



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI & KOS SARA HIDUP



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024



COMPANIES (AMENDMENT) ACT 2024

AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

SOALAN-SOALAN LAZIM

POLISI 2 : MEMPERKUKUHKAN KERANGKA REHABILITASI KORPORAT

- (B) Penambahbaikan peruntukan lain berkaitan perkiraan sukarela korporat/pengurusan kehakiman/skim perkiraan dan kompromi (CVA/JM/SPK)

Apakah objektif dan faedah utama seksyen baharu 415A berkaitan pemberian penyelamat di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024?

Objektif utama seksyen baharu 415A adalah untuk membenarkan syarikat di bawah pengurusan kehakiman mendapatkan pemberian penyelamat, sama seperti polisi yang diperkenalkan untuk syarikat yang mencadangkan skim perkiraan dengan pembiutangnya (SPK). Dengan pengenalan peruntukan baharu ini, Mahkamah diberi kuasa untuk memerintahkan hutang daripada sebarang pemberian penyelamat dicagarkan terhadap harta syarikat mengikut syarat tertentu. Sekiranya syarikat digulungkan, hutang daripada pemberian penyelamat tersebut diberi keutamaan yang paling tinggi berbanding semua hutang lain.